



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **10 Oct2021 (Sunday)**

Berita Harian

Sektor ekonomi baharu antara tumpuan Belanjawan 2022	1
'PRN ganggu proses pemulihan negara'	2
Bung Kamara lancar parti sendiri hari ini	3

Utusan Malaysia

Air pasang besar paling buruk	4
Fenomena air laut pasang besar bukan pesta	5

Harian Metro

TAHAP KEYAKINAN TERHADAP HADIS	6
Program bantuan makanan oleh Persatuan Hotel Malaysia	7

Sinar Harian

6,762 premis cemar alam sekitar dikenakan tindakan	8
Fazura teruja, anak terima hadiah daripada Tengku Permaisuri Norashikin	9

Berita Harian Online

PRN Melaka tidak sepatutnya berlaku - Azmin	10
Sektor pertumbuhan ekonomi baharu tumpuan Belanjawan 2022	11
'Tidak benar sama sekali'- Azmin	12
UA, MIDA meterai kerjasama bantu graduan kejuruteraan	13

KOSMO Online

Penternak lembu, biri-biri kena notis cemar Sungai Permatang Pasir	14
--	----

myMetro On-line

Polis Selangor pantau kebajikan pelajar yatim piatu akibat Covid-19	15
---	----

Sinar Harian Online

Gengam Selangor bantu pihak terkesan pandemik Covid-19	16
Kumpulan sukarelawan bantu penduduk terjejas	17
Penduduk Lembah Klang sekali lagi 'putus air'	18
Selangor beri sumbangan khas bernilai RM720,700	19
Sukarelawan digerak bantu penduduk terjejas gangguan air	20
Waspada fenomena air pasang besar	21

Utusan Malaysia Online

Fenomena laut pasang besar: Kampung Bagan Hailam terjejas	22
HyTalent MADC pacu industri 4IR	23
Lopak Seksyen 8 PJ belum ditimbus	24
Selangor bimbang pesakit mental naik dua kali ganda	25
Sinergi Air Selangor, LUAS lindungi sumber air	26

The Star

Scheduled water cut a burden to hoteliers	27
---	----

New Straits Times Online

Melaka state election should not take place now, says Azmin	28
---	----



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



The Malay Mail Online

Mida to train 500 graduates under its pilot talent programme to meet industry needs 29

The Star Online

Scheduled water cut a burden to hoteliers 30

Hoteliers lament Klang Valley's scheduled water cut just as industry is picking up 31

Scheduled water cut unavoidable and necessary, says Selangor MB 32

China Press

Cattle farm violation sewerage, leading river pollution was outlaw. 33

A surge in sea tide happen on Ketam Island, causing floods to submerge bridges and roads. 34

Hee Loy Sian: SelVax has one more optional vaccine, vaccinate teenagers with Sinovac. 35

Sin Chew Daily

MPKL 2022 budget is passed, ECRL is included in the proposed revised version of the blueprint 36

Klang factory owners who participated in PPKTK, please submit the missing information to the city council soon 37

Nanyang Siang Pau

Water supply upgrade works to take place on 13th in Selangor; Residents from 998 areas can make inquiries 38



KERATAN AKHBAR
10 October 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Sektor ekonomi baharu antara tumpuan Belanjawan 2022
Muka Surat	:	3

Sektor ekonomi baharu antara tumpuan Belanjawan 2022

Ampang: Sektor pertumbuhan ekonomi baharu adalah di antara aspek diberikan perhatian oleh kerajaan dalam merangka Belanjawan 2022 yang akan dibentangkan pada 29 Oktober ini.

Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata tumpuan terarah perkara itu adalah 'strategi' melonjak negara untuk terus maju.

Beliau berkata, antara ekonomi baharu yang dikenal pasti kerajaan merangkumi ekonomi digital, teknologi hijau, industri solar, kenderaan elektrik (EV) yang memenuhi portfolio Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

"Ini penting kepada Malaysia untuk terus maju ke hadapan kerana permintaan daripada pengguna pada peringkat global.

"Mereka mahu dasar ekonomi yang akan dilaksanakan ini mestilah memenuhi ESG.

"Kalau kita dapat memberikan komitmen seperti yang diumumkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dalam konteks awal 2050 akan meletakkan Ma-

laysia di kota dunia, di mana kita mahu berganjak dan maju ke hadapan dengan teknologi-teknologi baharu ini.

"Kita juga mahu pelaburan yang masuk adalah berteknologi dan berkualiti tinggi kerana tidak mahu terlalu bergantung kepada tenaga pekerja asing yang akan membebankan negara dalam konteks produktiviti," katanya selepas merasmikan Dewan Terbuka Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato Ahmad Razali dan penyerahan bantuan kepada penduduk setempat di sini semalam.

Pada majlis itu, Mohamed Azmin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Antarabangsa, turut menyampaikan bantuan berupa komputer riba kepada lima pelajar yang berjaya menyambung pengajian ke universiti.

Berdasarkan apa dirancang kerajaan, Mohamed Azmin percaya, tenaga kerja tempatan mempunyai bakat dan kemahiran sekali gus dapat memenuhi keperluan yang dikehendaki syarikat multinasional (MNC).

Bukan itu sahaja, beliau berkata Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) turut sama akan menerima kesan limpah.

"Mereka memerlukan peluang seperti ini. Sebab itu bila syarikat MNC yang besar ini masuk ke dalam negara, sebenarnya ia membantu PKS dalam negara kita untuk memenuhi permintaan rantaian bekalan global.

"Jadi itu yang sedang kita lakukan dan terbukti pada tahun ini walaupun negara dilanda pandemik yang belum selesai tetapi pelabur asing masih yakin Malaysia merupakan hab destinasi pelaburan dan mencatatkan RM107.5 billion dalam tempoh enam bulan pertama. Ia prestasi yang amat membanggakan," katanya.

Selain itu, Mohamed Azmin berkata, Kementerian Kewangan juga sedang meneliti permohonan daripada kementerianya untuk memperkenalkan insentif baharu.

Jelasnya, kerajaan tidak lagi boleh berpegang kepada tawaran lama, sebaliknya perlu memperkenalkan tawaran nilai baharu seperti kemudahan menjalankan perniagaan.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
10 October 2021		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	'PRN ganggu proses pemulihan negara'
Muka Surat	:	4

Kemelut politik di Melaka



Mohamed Azmin merasmikan Dewan Terbuka SMK Dato Ahmad Razali di Ampang, semalam.

(Foto Saifullizan Tamadi/BH)

'PRN ganggu proses pemulihan negara'

Kerajaan perlu fokus usaha atasi pandemik, pulih ekonomi

Oleh Fahmy A Rosli
 fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pilihan Raya Negeri (PRN) susulan pembubaran Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka tidak sepatutnya berlaku, kata Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata, perhatian ketika ini sepatutnya tertumpu kepada usaha menangani pandemik COVID-19 dan memulihkan ekonomi.

Ahli Parlimen Gombak itu turut menyuarakan kebimbangannya jika PRN diteruskan, maka ia akan mengganggu proses pemulihan negara yang terjejas daripada segenap sektor, terutama sektor pelancongan di Melaka.

"Ya memang kita melihat perkara ini secara serius sebab tumpuan Kerajaan Persekutuan sebelum ini di bawah Tan Sri Muhyiddin Yassin dan sekarang di bawah Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (jalah) kita meneruskan usaha untuk menangani masalah

pandemik dan memulihkan ekonomi.

"Walaupun sudah ada tanda positif yang semakin baik, tetapi kita masih bergelut dengan masalah ini. Kita tidak mahu ada lonjakan tiba-tiba (kes positif COVID-19) kerana wujudnya PRN.

"Sebab itu, kita harus lihat Melaka ini sebuah negeri pelancongan dan kita baru sahaja nak buka sempadan (negeri) untuk memulihkan sektor pelancongan. Saya bimbang perkara ini akan terganggu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Dewan Terbuka Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato Ahmad Razali dan penyerahan bantuan kepada penduduk setempat di Ampang, semalam.

Dalam majlis itu, Mohamed Azmin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Antarabangsa turut menyampaikan bantuan komputer riba kepada lima pelajar yang berjaya menyanggub pengajian ke universiti.

Mengulas lanjut situasi pembubaran DUN Melaka, Mohamed Azmin berkata, sebagai kerajaan bertanggungjawab, kerajaan meneliti dan memperhalusi perkara itu mengikut lunas undang-undang serta Perlembagaan.

"Apa juga keputusan kita buat mesti berlandaskan undang-undang dan perlembagaan negeri Melaka dan peringkat Persekutuan. Ini kita teliti," katanya.

Sekiranya PRN tidak dapat di-

elakkan, Azmin selaku Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi BERSATU berkata, sebagai sebuah parti politik sudah tentulah harus bersedia sedia.

Katanya, kerjasama yang dijalankan antara parti politik yang mentadbir kerajaan selama dua tahun harus dipertahankan.

"Rakyat ingin melihat perpaduan, rakyat ingin melihat permafakatan yang erat kerana hanya dengan perpaduan serta kerjasama erat ini, kita dapat mengatasi masalah pandemik dan pemulihan negara," katanya.

Selasa lalu, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menerima pemakluman rasmi berhubung pembubaran DUN Melaka penggal ke-14 dan satu PRN perlu diadakan dalam tempoh 60 hari dari tarikh pembubaran itu.

Speaker DUN Melaka, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh sebelum itu mengumumkan DUN Melaka dibubarkan pada 4 Oktober setelah dipersetujui Yang Dipertua Negeri, Tun Mohd Ali Rustam.

DUN Melaka dibubarkan pada 4 Oktober susulan tindakan empat ADUN iaitu Datuk Seri Idris Haron (UMNO-Sungai Udang), Datuk Nor Azman Hassan (UMNO-Pantai Kundor), Datuk Norhizam Hassan Baktee (Bas-Pengkalan Batu) dan Datuk Noor Effandi Ahmad (BERSATU-Telok Mas) yang mengumumkan hilang kepercayaan dan menarik sokongan terhadap kepemimpinan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Sulaiman Md Ali.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 10 October 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Bung Kamara lancar parti sendiri hari ini
Muka Surat	:	8

Bung Kamara lancar parti sendiri hari ini

Kuala Lumpur: Sebuah parti politik baharu, Parti Kuasa Rakyat, akan dilancar hari ini dengan matlamat menyertai Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15).

Pergerakan politik baharu yang berteraskan perjuangan rakyat marhaen, alam sekitar, keadilan sosial dan hak asasi manusia itu sudah mengadakan libat urus pertama bagi tujuan pendaftaran dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Pelancaran parti itu akan dilakukan sendiri presiden penajanya, Kamarazaman Yaakob, turut dikenali sebagai Bung Kamara, yang juga abang kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Setiausaha Agung Penaja Parti Kuasa Rakyat, Dr Helmi Ibrahim, berkata parti itu ditubuhkan untuk mendepani PRU-15 kerana pergerakan politik lain di negara ini didakwa gagal membawa aspirasi membela masyarakat marhaen.

Menyedari situasi itu, jelasnya,

Parti Kuasa Rakyat ditubuhkan dan akan dilancarkan hari ini, bagi memecah dominasi parti politik di negara ini yang dilihat lebih dikuasai golongan pemimpin elit.

“Kalau kita lihat parti politik sekarang, tiada yang boleh kita namakan khusus untuk perjuangan golongan marhaen, kerana kebanyakan didominasi kumpulan elit politik.

“Oleh itu, Parti Kuasa Rakyat ditubuhkan, dengan mengutamakan kepentingan rakyat, mesra golongan muda dan memberi penekanan terhadap isu alam sekitar.

“Parti ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia, berbilang kaum, malah kita beri penghormatan kepada Sabah dan Sarawak, dengan memperuntukkan kerusi timbalan dan naib presiden dalam kalangan kepimpinan Sabah serta Sarawak.

“Pada masa sama, kita mempunyai fakulti pemikiran sendiri dan tidak sekadar mendambakan kuasa. Ada perkara teras yang

kita perjuangkan,” katanya kepada *BH*, semalam.

Helmi menjelaskan, pihaknya turut mengadakan perbincangan dengan beberapa parti politik sedia ada dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), bagi merintis usaha ke arah penubuhan sebuah gabungan baharu.

Katanya, perkembangan berhubung usaha itu masih dalam peringkat perbincangan, selain menyelaras agenda perjuangan yang bakal digariskan untuk hala tuju seterusnya.

“Setakat ini, kita dapati beberapa parti politik sedia ada dan NGO terbuka untuk menjalin kerjasama, memandangkan mereka juga berpendirian bahawa dalam persekitaran politik sekarang, tiada entiti yang perjuangan rakyat marhaen.”

“Mengenai proses pendaftaran, kita jangka tidak berdepan sebarang masalah dengan Pendaftaran Pertubuhan (RoS), berdasarkan libat urus dengan KDN sebelum ini,” katanya.

Sementara itu, Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, menegaskan beliau tiada kaitan atau terbabit dengan mana-mana penubuhan parti baharu.

Ahli Parlimen Gombak yang kini adalah Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi (AMPT) BERSATU, berkata desas-desus atau sebarang berita yang mengaitkan namanya dengan hal itu adalah tidak benar.

“Tidak benar sama sekali,” katanya.

Sebelum ini, media yang memetik sumber melaporkan sebuah parti politik baharu yang bakal diterajui ‘kenalan rapat’ kepada Mohamed Azmin iaitu Datuk Zuraida Kamaruddin merangkap Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, akan ditubuhkan.

Zuraida yang juga Ahli Parlimen Ampang adalah AMPT BERSATU sebelum ini menyifatkan dakwaan itu hanya khabar angin.



KERATAN AKHBAR
10 October 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Air pasang besar paling buruk
Muka Surat	:	8

50 rumah di Kampung Bagan Hailam dimasuki air sampai bilik, dapur

Air pasang besar paling buruk

KLANG: Hampir semua rumah di Kampung Bagan Hailam, Pelabuhan Klang di sini terjejas akibat fenomena air laut pasang besar yang berlaku sejak Khamis lalu dan disifatkan paling teruk dalam tempoh 20 tahun.

Air laut yang naik sehingga 5.6 meter itu menyebabkan lantai kira-kira 50 daripada 60 buah rumah lama yang dibina di kawasan paya bakau berhampiran tempat rekreasi Tanjung Harapan ditenggelami air hingga ke paras betis

Seorang penduduk, Ng Boon Liong, 60, berkata, kejadian antara pukul 6 pagi hingga 8 pagi dua hari pertama adalah paling teruk sehingga laluan pejalan kaki yang sudah pun ditinggikan masih ditenggelami air pasang.

"Sejak 20 tahun, ini paling teruk. Sudah lebih 50 tahun saya tinggal di sini, selalunya air laut pasang besar hanya akan menyebabkan lantai di ruang tamu akan tenggelam kerana kedudukannya lebih rendah.

"Tetapi, selama dua hari air pasang pada waktu pagi, melimpah sampai ke dalam bilik dan dapur hingga merosakkan barangan elektrik seperti peti sejuk sampai kena beli baharu," katanya kepada *Mingguan Malaysia*.

Lu Teng Seng, 51, berkata, air laut pasang besar pada hari ketiga semalam semakin surut dan mungkin fenomena itu akan berakhir.



SEBAGIAN kawasan perumahan di Kampung Nelayan Bagan Hailam, Klang semalam berikutan fenomena air laut pasang besar yang mencecah paras 5.6 meter. - MINGGUAN/AFIQ RAZALI

"Semalam dengan Khamis laluan pejalan kaki tenggelam, tetapi hari ini (semalam) cuma bahagian dataran yang rendah ditenggelami air. Walaupun tidak tinggi, namun air tetap masuk ke bahagian dalam tokong di rumah. Tetapi cuma sementara dalam pukul 9 pagi sudah surut," katanya.

Tinjauan di Pantai Kelanang di Banting, Kuala Langat mendapati masih ada pengunjung yang mendekati pantai untuk melihat

fenomena itu secara dekat walaupun dilarang Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL).

Penyelaras Skwad PANTAS Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL), Mazlan Abdul Manaf mengingatkan orang ramai fenomena berkenaan bukanlah pesta yang boleh dikunjungi.

"Pagi ini (semalam) kita mengadakan operasi di Pantai Morib, Pantai Kelanang, Pantai Cunang bagi memastikan orang ramai

tidak berkumpul di pantai-pantai di bawah seliaan MPKL.

"Kita beri arahan untuk pengunjung yang datang seawal pukul 7 pagi beredar dari kawasan pantai. Kita tidak mahu ada kejadian tidak diingini sekiranya air tiba-tiba naik menderu," jelasnya.

Di Kuala Selangor pula, Pegawai Daerah dan Tanah, Mohd. Faizal Abdul Raji berkata, banjir air masin dikesan berlaku dekat

sekitar bandar Tanjung Karang pagi semalam, namun tiada bantuan kecemasan diperlukan.

"Orang awam sedia maklum bahawa banjir mungkin terjadi apabila berlaku fenomena air pasang besar pada bulan Oktober yang menyebabkan air laut di Pantai Remis dan Tanjung Karang meningkat," katanya ketika ditemui.

Sementara di Sungai Besar, Sabak Bernam, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Selangor, Norazam Khamis memaklumkan pemantauan dilakukan di sekitar Bagan Sungai Besar, Sungai Haji Dorani dan Bagan Sungai Burong.

Menurutnya, terdapat limpahan air ke jalan utama, walau bagaimanapun keadaan terkawal dan tiada pemindahan mangsa dilakukan.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan jangkakan air pasang besar berlaku pada awal Oktober. Justeru, beberapa agensi kerajaan termasuk Majlis Perbandaran Klang (MPK) melalui Pasukan Tindakan Segera (Skwad Pantas) mengambil langkah berjaga-jaga bagi menghadapi sebarang kemungkinan.

Sementara itu, MPKL sebelum ini dilaporkan menutup lapan pantai tumpuan pengunjung di sekitar kawasan Kuala Langat sekiranya di Morib dan Banting bagi memelihara keselamatan orang awam.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 10 October 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Fenomena air laut pasang besar bukan pesta
Muka Surat	:	8

Fenomena air laut pasang besar bukan pesta

KUALA LANGAT: Fenomena air laut pasang besar di Selangor memasuki hari ketiga dan paras air mencapai 5.6 meter pada waktu pagi sama seperti semalam dan Khamis lalu.

Tinjauan *Mingguan Malaysia* di Pantai Kelanang di sini, masih ada pengunjung yang cuba mendekati pantai untuk melihat fenomena itu secara dekat walaupun dilarang oleh Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL).

Penyelaras Skwad PANTAS Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL), Mazlan Abdul Manaf ketika ditemui mengingatkan orang ramai fenomena berkenaan bukanlah pesta yang

boleh dikunjungi.

Menurutnya, kemalangan boleh berlaku sekiranya orang ramai sengaja mengabaikan larangan dan memasuki pantai yang ditenggelami air laut.

"Pagi ini (semalam) kita mengadakan operasi di Pantai Morib, Pantai Kelanang, Pantai Cunang bagi memastikan orang ramai tidak berkumpul di pantai-pantai di bawah seliaan MPKL," katanya ketika ditemui Operasi Pemantauan Air Pasang Besar Skwad PANTAS Di Pantai Morib semalam.

Turut terlibat dalam operasi tersebut adalah 20 kakitangan MPKL terdiri daripada Skwad PANTAS, Jabatan Penguat Kua-

sa, Jabatan Penilaian Harta, Jabatan Kejuruteraan dan lain-lain.

Mengulas lanjut Mazlan berkata, orang ramai perlu merujuk akhbar dan media sosial sebelum berkunjung ke kawasan peranginan di daerah tersebut.

"Tinjauan kita mendapati terdapat pokok yang tumbang di Pantai Kelanang semasa air naik ke daratan yang dijangka setinggi 5.6 meter sebelum ini. Air mula surut pukul 9 pagi.

"Berlaku juga limpahan di beberapa kawasan pemantauan namun semuanya tidak menyebabkan kerosakan yang serius," katanya.



AIR laut melimpah ke bahagian pantai dekat Pantai Kelanang. Banting di Kuala Langat, Selangor akibat fenomena air laut pasang besar yang berlaku pada hari ketiga hari ini. - MINGGUAN / ABDUL RAZAK IDRIS



KERATAN AKHBAR		
10 October 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	TAHAP KEYAKINAN TERHADAP HADIS
Muka Surat	:	15

LENTERA HADIS

TAHAP KEYAKINAN TERHADAP HADIS



Bersama
Dr Mohd Khafidz Soroni

B

Berbuat silap adalah sifat lumrah manusia dan berlaku walau kepada perawi yang paling thiqah sekalipun, namun kesilapan yang sedikit tidak mengurangkan kewibawaan terhadapnya

erdasarkan fakta sejarah, hadis tidak dibukukan secara rasmi pada zaman Nabi SAW seperti al-Quran dibukukan. Kebanyakan hadis diriwayatkan secara lisan sehinggalah zaman Khalifah Umar bin Abd al-Aziz (wafat 101H) baru hadis dibukukan secara rasmi. Terdapat jarak tempoh yang jauh di antara zaman Nabi SAW dengan zaman Khalifah Umar ini. Justeru di antara tempoh berkenaan, pelbagai faktor kemungkinan boleh berlaku terhadap periwayatan hadis yang disebabkan oleh kesilapan perawi, kekurangan ingatan perawi, periwayatan hadis secara makna serta kesan kemunculan hadis palsu.

Maka, hanya perawi yang bersifat adil dan benar-benar kuat ingatan sahaja yang dapat dipercayai riwayatnya sebagai tepat. Bagaimanapun, tidak semua mereka memiliki tahap yang sama kerana perbezaan fitrah semula jadi manusia. Oleh itu, perawi yang benar-benar berkualiti dan berkredibiliti pada tahap tertinggi tidak ramai bilangannya. Syu'bah bin al-Hajjaj berkata: "Sekiranya aku tidak meriwayatkan hadis kepada kamu melainkan hanya daripada orang yang thiqah, nescaya aku tak dapat meriwayatkan hadis kepadamu melainkan daripada segelintir orang sahaja." Yahya al-Qattan berkata: "Sekiranya aku tidak meriwayatkan hadis melainkan hanya daripada orang yang aku reda, nescaya aku tidak meriwayatkan hadis melainkan daripada lima orang sahaja atau sekitar itu."

Oleh yang demikian, memadai perawi itu diketahui bersifat adil dan tidak pula melakukan banyak kesilapan dalam meriwayatkannya. Berbuat silap adalah sifat lumrah manusia dan berlaku walau kepada perawi yang paling thiqah sekalipun, namun kesilapan yang sedikit tidak mengurangkan kebolehpercayaan terhadapnya.

Oleh itu, ulama menyatakan, dalam aspek periwayatan hadis memadai dibina atas sangkaan yang berat (zann ghalib) sahaja terhadap kredibiliti perawi yang menyampaikannya dan tidak perlu memastikan sehingga tahap yakin padanya. Maka, daripada aspek ini dan berdasarkan konsep sangka baik (husnuz zann) sesama



HADIS mutawir menghasilkan keyakinan maka sesuaih dijadikan syarat dalam dasar akidah.

Muslim, hadis boleh diterima daripadanya. Sebab itu sebahagian ulama seperti Imam Abu Hanifah menerima hadis mursal sebagai hujah meskipun ditolak oleh Imam as-Syafii.

Demikian adalah daripada aspek periwayatan hadis sahaja. Namun, daripada aspek tahap keyakinan terhadap hadis itu sendiri terdapat perbincangan lain di sisi ulama. Tujuannya bagi menentukan garis sempadan akidah dan syarak. Juga sejauh mana penolakan terhadap hadis itu boleh memberi implikasi seseorang itu jatuh kufur atau sekadar fasik.

Bagi membezakannya, hadis umumnya dibahagikan kepada dua iaitu hadis mutawir dan hadis ahad. Kedudukan hadis mutawir adalah sama seperti al-Quran iaitu perlu diterima secara yakin. Dalam membicarakannya, ulama usul memberikan kepada hadis mutawir ini nilai al-'ilm kerana al-'ilm menurut pengertian bahasanya ialah yakin. Justeru, ada juga yang menyebutnya sebagai al-'ilm al-yaqini. Oleh kerana hadis mutawir ini menghasilkan keyakinan maka

sesuaih dijadikan syarat dalam dasar akidah yang memang memerlukan kepada keyakinan yang jazam (sepenuhnya). Oleh itu, orang yang mengingkarinya boleh menjadi kufur.

Kedudukan hadis ahad adalah bersifat kemungkinan besar dan berat pada kepercayaan ia daripada Nabi SAW sahaja, tidak sebagaimana hadis mutawir. Ulama usul memberikan kepada hadis ahad ini nilai az-zann, dengan erti kata kemungkinan besar (ghalabat az-zann) atau sangkaan yang berat (zann ghalib). Nilai az-zann bukanlah seperti makna bahasanya iaitu prasangka atau sangka-sangkaan, tetapi bermaksud berat pada kepercayaan ia benar daripada Nabi SAW. Namun, bukan diyakini secara qat'ie 100 peratus ia daripada baginda SAW sehingga jatuh kufur orang yang mengingkarinya. Justeru, sesuaih ia dijadikan sempadan syarak. Meskipun orang yang mengingkarinya tidak kufur, namun ia dianggap fasik dan berdos kerana menolak hadis Nabi SAW yang sabit. Bagaimanapun, sekiranya hadis ahad itu diiringi bukti sokongan

(qara'in) maka ulama berselisih pendapat tentang masalah ini. Adakah ia boleh meningkatkan kedudukannya daripada tahap kemungkinan besar (az-zann) kepada tahap yakin (al-'ilm al-yaqini)? Menurut ramai ulama seperti Ibn as-Solah, Ibn Hajar dan as-Suyuti ia menghasilkan keyakinan. Menurut sebahagian ulama pula seperti Imam al-Haramain dan an-Nawawi, ia tetap menghasilkan az-zann sahaja. Semua perbincangan ini adalah berdasarkan pandangan jumur ulama. Adapun menurut mazhab Zahiri dan segelintir ahli hadis, hadis ahad menghasilkan keyakinan sama seperti hadis mutawir. Namun, pandangan mereka adalah lemah.

Perbincangan tahap keyakinan terhadap hadis ini adalah bagi menentukan batasan dasar akidah dan syarak sahaja. Maka, jangalah dicampuradukkan aspek ini dengan aspek kewajipan beramal dengan hadis sahah. Para ulama bersepakat bahawa hadis sahah yang tiada sebarang pertikaian wajib diterima dan diamalkan.

Penulis Ketua Unit Hadis di Institut Kajian Hadis & Akidah (Inhad), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis)

Hadis umumnya dibahagikan kepada dua iaitu hadis mutawir dan hadis ahad



KERATAN AKHBAR
10 October 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Program bantuan makanan oleh Persatuan Hotel Malaysia
Muka Surat	:	41



PROGRAM BANTUAN MAKANAN OLEH PERSATUAN HOTEL MALAYSIA BAHAGIAN SELANGOR



● Armada Hotel Team

Industri pelancongan antara yang terjejas teruk akibat penularan wabak Covid-19 di Malaysia. Impak teruk akibat pandemik ini telah menyaksikan negara mengalami beberapa fasa kawalan pergerakan dan penutupan sempadan, yang merumitkan usaha kemapanan bagi kelangsungan industri pelancongan dalam negara.

Sehingga hari ini, sebanyak 120 hotel di Malaysia dikhuatiri telah menutup operasi mereka sama ada secara kekal atau sementara. Dari segi kerugian, industri hospitaliti negara telah kehilangan pulangan lebih RM6.5 bilion pada tahun lepas, dan dijangka bakal kehilangan sebanyak RM9 bilion atau lebih pada tahun ini. Ini memberi petunjuk bahawa ribuan pekerja dalam industri ini bergelut untuk kelangsungan hidup serta menyara keluarga mereka kerana ramai yang telah kehilangan pekerjaan atau mendapat gaji minimum, selain faktor tekanan kesihatan dan mental mereka.

Atas sebab kesusahan yang dialami oleh pekerja-pekerja hotel serta ketidaktentuan industri ini akibat pandemik, Persatuan Hotel Malaysian (MAH) Bahagian Selangor sekali lagi melancarkan program Bantuan Makanan buat kali kedua

bagi mengutip sumbangan sama ada tunai mahu pun barangan. Inisiatif yang turut disokong oleh Selangor Tourism dan MAH Kebangsaan diinspirasikan berikutan kejayaan CSR pertamanya yang didokong oleh Yayasan AEON Malaysian yang diterajui mantan presidennya, Datin Yasmin Merican, yang mewakili usaha komuniti Kumpulan Syarikat AEON Malaysia sehingga April 2021. Seramai 1,200 kakitangan hotel yang telah kehilangan pekerjaan akibat penutupan hotel di Malaysia amat bersyukur menerima bantuan makanan dan barangan keperluan selama dua bulan pada April dan Mei lalu, iaitu semasa pandemik ini berada di tahap yang amat teruk.

Dengan program MAH Cares tersendiri dengan tema "Together We Deliver to our Fellow Hoteliers", MAH Bahagian Selangor berjaya mengutip sebanyak RM90,000 melalui sumbangan tunai dan barangan daripada organisasi-organisasi prihatin seperti Tourism Selangor, English Hotbread, Sama Sama Hotel KLIA, Acappella Suite Hotel, Dorsett Grand Subang, Silka Maytower, BMC Tours & Travel, MOTAC, Yeo Hiap Seng (Yeo's) dan beberapa individu. Sebanyak 880 kotak makanan yang diisi dengan keperluan harian seperti nasi, telur, minyak masak, susu tepung, sardin, penutup muka pakai buang,

mi segera Yeo's Cintan, kotak minuman dan jagung manis Yeo's serta lain-lain barangan telah pun disalurkan kepada mereka yang terjejas di sekitar Selangor dan Putrajaya, minggu lepas.

"Keadaan situasi semasa telah menjadikan kehidupan semakin meruncing dengan kawalan pergerakan dan sempadan masih ditutup bagi perjalanan rentas negeri. Ini sudah pasti memberi impak kepada industri hospitaliti dan mereka yang bergantung pada industri ini untuk kehidupan. Kami amat berterima kasih kepada organisasi dan individu yang amat menyokong bagi membantu menjayakan program kami melalui sumbangan mereka secara sukarela," kata Datin Jasmine Abdullah Heng, pengerusi MAH Bahagian Selangor.

"Jutaan terima kasih diucapkan kepada Tourism Selangor untuk sumbangan mereka, ahli-ahli lembaga MAH dari peringkat kebangsaan hinggalah ke Bahagian Selangor, serta kepada saudara Francis Alberto di Sekretariat yang bekerja keras dalam menyelaras pengagihan kotak makanan. Semestinya, kerjasama berpasukan pada waktu ini memberi impak yang besar kepada mereka yang memerlukan tanpa mengira jantina, bangsa atau warganegara kerana kita semua bersatu dalam mendokong 'MAH Cares' dalam mengharungi saat-saat mencabar ini. Kita semua kekal menyokong ahli-ahli dan industri serta bekerjasama erat dengan kerajaan bagi memastikan kelangsungan ke arah pemulihan stabil bagi industri perhotelan ini," tambahnya lagi.

Dalam pada itu, selain menyokong dan mempromosikan kempen pelancongan yang

dibangunkan oleh Tourism Selangor iaitu "Pusing Selangor Dulu", MAH Bahagian Selangor juga bekerjasama rapat dengan Jawatankuasa Pemulihan Pelancongan MAH bagi merangka strategi yang mampu memacu pemulihan industri pelancongan dalam negara yang sedang bergerak perlahan.

Dengan ketidaktentuan situasi pandemik dan kemelesetan ekonomi negara, MAH mengakui bahawa gerakan pemulihan bagi industri perhotelan dan pelancongan negara bergerak perlahan, serta berharap agar kerajaan segera melihat rayuan mereka untuk sokongan dari segi promosi dan pembiayaan pemasaran bagi industri hospitaliti, diskaun atau subsidi elektrik, saaraan, levi kerajaan dan lain-lain yang lebih baik bagi hotel bagi mengelakkan lebih banyak hotel terpaksa gulung tikar.

Di samping itu, semua pemegang taruh dalam kerajaan diharap senada dengan penggait hospitaliti bagi merangka misi untuk merencanakan semula industri hospitaliti yang merupakan antara pemacu utama ekonomi negara dengan 5.9 peratus disumbangkan ke KDKN, serta mempunyai suku daripada keseluruhan tenaga kerja dalam negara pra-pandemik.

Untuk maklumat lanjut, hubungi Francis Alberto, Sekretariat Persatuan Hotel Malaysia Bahagian Selangor di talian **0162013248** atau e-mel kepada **mahselangorchapter@gmail.com**.



● Datin Jasmine Abdullah Heng



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **10 October 2021**

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	6,762 premis cemar alam sekitar dikenakan tindakan
Muka Surat	:	7

6,762 premis cemar alam sekitar dikenakan tindakan

SHAH ALAM - Sebanyak 6,762 premis dikenakan tindakan tegas termasuk 12 digantung lesen atas kesalahan pencemaran alam sekitar bagi tempoh 1 Januari hingga 21 September tahun ini.

Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, kesalahan itu dikesan melalui 15,344 operasi penguatkuasaan yang dijalankan kementeriannya melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) sepanjang

tempoh tersebut.

Katanya, tindakan itu diambil susulan premis terlibat didapati gagal mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

“Antara tindakan tegas lain yang telah diambil sepanjang tempoh sembilan bulan pertama tahun ini adalah 4,529 kompaun, dua perintah larangan dan sebanyak 202 kertas siasatan telah dibuka,” katanya pada Sabtu.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

10 October 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Fazura teruja, anak terima hadiah daripada Tengku Permaisuri Norashikin
Muka Surat	:	26

Fazura teruja, anak terima hadiah daripada Tengku Permaisuri Norashikin



PELAKON Fazura sekali lagi berkongsi keterujaan apabila permata hatinya, Nur Fatima Aisya Abdul Fattah, menerima hadiah berupa seutas rantai berlian daripada Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin Abdul Rahman.

Pemberian istimewa itu adalah bersempena sambutan hari ulang tahun Nur Fatima yang pertama pada 2 Oktober lalu.

"Masya-ALLAH, sukanya. Rantai rekaan khas untuk Fatima. Junjung kasih kepada Permaisuri yang penyayang dan pemurah," katanya.

Pada masa sama, pelakon *Gol & Gincu* itu turut berbesar hati apabila

Tengku Permaisuri Norashikin memilih untuk menggayakan tudung keluarannya iaitu Tudung Fazura dalam satu majlis.

"Saya sangat kagum, bersyukur dan berbesar hati melihat Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin berkenan mengenakan Tudung Fazura.

"Dalam kita sering didengarkan dengan kisah-kisah hartawan, sungguh menginsafkan melihat seorang permaisuri negeri berkenan mengenakan tudung pada harga kurang daripada RM30," kongsi aktres berusia 38 tahun itu di laman Instagramnya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
9 October 2021		
Akhbar	:	Berita Harian Online
Tajuk Berita	:	PRN Melaka tidak sepatutnya berlaku - Azmin
Muka Surat	:	-

The screenshot shows the front page of the BH Online news website. The main headline is "PRN Melaka tidak sepatutnya berlaku - Azmin". The article text is partially visible, starting with "Menteri Kanan Pertahanan (PKP) Azmin Ali berkata, pelaksanaan Persekitaran Rangkaian Negara (PRN) Melaka tidak sepatutnya berlaku, jika Menteri Kanan Pertahanan Antarabangsa dan Industri, Dato Seri Mahfuz Omar..."

The page also features various news snippets under categories like "UKASAK", "TRENDING", "WISATA", "GEMERAN", and "BERITA BERKAITAN".



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
9 October 2021		
Akhbar	:	Berita Harian Online
Tajuk Berita	:	Sektor pertumbuhan ekonomi baharu tumpuan Belanjawan 2022
Muka Surat	:	-

The screenshot shows the BH website interface. The main headline is "Sektor pertumbuhan ekonomi baharu tumpuan Belanjawan 2022". Below the headline is a photograph of a market stall. To the right, there is a "JUALAN" (Sale) banner for a dining table. The article text discusses the government's focus on new economic growth sectors in the 2022 budget. It mentions the impact of the COVID-19 pandemic and the need for targeted support. The article is dated October 9, 2021, at 10:00 AM. Below the main article, there are several "USAKAN" (Proposals) and "TRENDING" (Trending) sections. The "USAKAN" section lists various proposals such as "Pajak Over Demand Insentif Melaka", "Kawasan Industri Baru di Selangor", and "Melayu mahu kekal dalam perikanan masarakat". The "TRENDING" section includes topics like "Pakar: Kerajaan perlu fokus kepada sektor perikanan", "Pakar: Sektor perikanan perlu fokus kepada sektor perikanan", and "Pakar: Sektor perikanan perlu fokus kepada sektor perikanan". At the bottom, there are sections for "BERITA BERKAITAN" (Related News), "GEMILANG" (Glimpse), and "BERKAITAN" (Related).



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
9 October 2021

Akhbar	:	Berita Harian Online
Tajuk Berita	:	'Tidak benar sama sekali'- Azmin
Muka Surat	:	-

MINGGALAH ke era baharu bersama kami.

'Tidak benar sama sekali' - Azmin

BERITA HARIAN ONLINE

KLUALI: Menteri Kanan Pengurusan Amalan dan Etika, Dato' Seri Azmin Ali Azmin Ali, menegaskan beliau tidak benar dan benar-benar menyangkal dakwaan Azmin Ali. Azmin Ali menegaskan yang juga Ahli Parlimen Temenggor (AMPT) BERSASTU itu bahawa, beliau akan mengemukakan bukti yang menunjukkan bahawa dakwaan terhadap beliau adalah tidak benar.

'Tidak benar sama sekali' kerana beliau hanya sekadar menunjukkan kepada Dato' Seri Tan Sri Datu Menteri Keliruan (MSM) Dato' Akhmal Ruzi dan penerbitan barisan pejabat pentadbiran pentadbiran di sini.

Selain itu, Azmin Ali menegaskan bahawa beliau tidak pernah membuat dakwaan bahawa beliau 'tidak dapat' kepada Menteri Keliruan (MSM) Dato' Akhmal Ruzi dan penerbitan barisan pejabat pentadbiran pentadbiran di sini.

BERSIKUT UNYUKAN

- Azmin, Dato' Seri Tan Sri Datu Menteri Keliruan (MSM) Dato' Akhmal Ruzi dan penerbitan barisan pejabat pentadbiran pentadbiran di sini.
- Tidak pernah membuat dakwaan bahawa beliau 'tidak dapat' kepada Menteri Keliruan (MSM) Dato' Akhmal Ruzi dan penerbitan barisan pejabat pentadbiran pentadbiran di sini.
- Beliau pernah membuat dakwaan bahawa beliau 'tidak dapat' kepada Menteri Keliruan (MSM) Dato' Akhmal Ruzi dan penerbitan barisan pejabat pentadbiran pentadbiran di sini.
- Azmin Ali menegaskan bahawa beliau tidak pernah membuat dakwaan bahawa beliau 'tidak dapat' kepada Menteri Keliruan (MSM) Dato' Akhmal Ruzi dan penerbitan barisan pejabat pentadbiran pentadbiran di sini.

BERITA BERSASTUAN

KEKAWAN: Kerajaan Kelantan mengumumkan bahawa beliau akan membuat dakwaan bahawa beliau 'tidak dapat' kepada Menteri Keliruan (MSM) Dato' Akhmal Ruzi dan penerbitan barisan pejabat pentadbiran pentadbiran di sini.

BERITA BERKATATAN

MANAMA: Kerajaan Arab Saudi mengumumkan bahawa beliau akan membuat dakwaan bahawa beliau 'tidak dapat' kepada Menteri Keliruan (MSM) Dato' Akhmal Ruzi dan penerbitan barisan pejabat pentadbiran pentadbiran di sini.

BERITA KEMALAHAN

REKAWAN: Kerajaan Kelantan mengumumkan bahawa beliau akan membuat dakwaan bahawa beliau 'tidak dapat' kepada Menteri Keliruan (MSM) Dato' Akhmal Ruzi dan penerbitan barisan pejabat pentadbiran pentadbiran di sini.

BERITA KEMAMPUAN

MANAMA: Kerajaan Arab Saudi mengumumkan bahawa beliau akan membuat dakwaan bahawa beliau 'tidak dapat' kepada Menteri Keliruan (MSM) Dato' Akhmal Ruzi dan penerbitan barisan pejabat pentadbiran pentadbiran di sini.

TRENDING

1. Kerajaan Kelantan mengumumkan bahawa beliau akan membuat dakwaan bahawa beliau 'tidak dapat' kepada Menteri Keliruan (MSM) Dato' Akhmal Ruzi dan penerbitan barisan pejabat pentadbiran pentadbiran di sini.

2. Kerajaan Kelantan mengumumkan bahawa beliau akan membuat dakwaan bahawa beliau 'tidak dapat' kepada Menteri Keliruan (MSM) Dato' Akhmal Ruzi dan penerbitan barisan pejabat pentadbiran pentadbiran di sini.

3. Kerajaan Kelantan mengumumkan bahawa beliau akan membuat dakwaan bahawa beliau 'tidak dapat' kepada Menteri Keliruan (MSM) Dato' Akhmal Ruzi dan penerbitan barisan pejabat pentadbiran pentadbiran di sini.

4. Kerajaan Kelantan mengumumkan bahawa beliau akan membuat dakwaan bahawa beliau 'tidak dapat' kepada Menteri Keliruan (MSM) Dato' Akhmal Ruzi dan penerbitan barisan pejabat pentadbiran pentadbiran di sini.

5. Kerajaan Kelantan mengumumkan bahawa beliau akan membuat dakwaan bahawa beliau 'tidak dapat' kepada Menteri Keliruan (MSM) Dato' Akhmal Ruzi dan penerbitan barisan pejabat pentadbiran pentadbiran di sini.

MYNEWS

1. Kerajaan Kelantan mengumumkan bahawa beliau akan membuat dakwaan bahawa beliau 'tidak dapat' kepada Menteri Keliruan (MSM) Dato' Akhmal Ruzi dan penerbitan barisan pejabat pentadbiran pentadbiran di sini.

2. Kerajaan Kelantan mengumumkan bahawa beliau akan membuat dakwaan bahawa beliau 'tidak dapat' kepada Menteri Keliruan (MSM) Dato' Akhmal Ruzi dan penerbitan barisan pejabat pentadbiran pentadbiran di sini.

3. Kerajaan Kelantan mengumumkan bahawa beliau akan membuat dakwaan bahawa beliau 'tidak dapat' kepada Menteri Keliruan (MSM) Dato' Akhmal Ruzi dan penerbitan barisan pejabat pentadbiran pentadbiran di sini.

4. Kerajaan Kelantan mengumumkan bahawa beliau akan membuat dakwaan bahawa beliau 'tidak dapat' kepada Menteri Keliruan (MSM) Dato' Akhmal Ruzi dan penerbitan barisan pejabat pentadbiran pentadbiran di sini.

5. Kerajaan Kelantan mengumumkan bahawa beliau akan membuat dakwaan bahawa beliau 'tidak dapat' kepada Menteri Keliruan (MSM) Dato' Akhmal Ruzi dan penerbitan barisan pejabat pentadbiran pentadbiran di sini.

OPINIAN

1. Kerajaan Kelantan mengumumkan bahawa beliau akan membuat dakwaan bahawa beliau 'tidak dapat' kepada Menteri Keliruan (MSM) Dato' Akhmal Ruzi dan penerbitan barisan pejabat pentadbiran pentadbiran di sini.

2. Kerajaan Kelantan mengumumkan bahawa beliau akan membuat dakwaan bahawa beliau 'tidak dapat' kepada Menteri Keliruan (MSM) Dato' Akhmal Ruzi dan penerbitan barisan pejabat pentadbiran pentadbiran di sini.

3. Kerajaan Kelantan mengumumkan bahawa beliau akan membuat dakwaan bahawa beliau 'tidak dapat' kepada Menteri Keliruan (MSM) Dato' Akhmal Ruzi dan penerbitan barisan pejabat pentadbiran pentadbiran di sini.

4. Kerajaan Kelantan mengumumkan bahawa beliau akan membuat dakwaan bahawa beliau 'tidak dapat' kepada Menteri Keliruan (MSM) Dato' Akhmal Ruzi dan penerbitan barisan pejabat pentadbiran pentadbiran di sini.

5. Kerajaan Kelantan mengumumkan bahawa beliau akan membuat dakwaan bahawa beliau 'tidak dapat' kepada Menteri Keliruan (MSM) Dato' Akhmal Ruzi dan penerbitan barisan pejabat pentadbiran pentadbiran di sini.

BERKAITAN

1. Kerajaan Kelantan mengumumkan bahawa beliau akan membuat dakwaan bahawa beliau 'tidak dapat' kepada Menteri Keliruan (MSM) Dato' Akhmal Ruzi dan penerbitan barisan pejabat pentadbiran pentadbiran di sini.

2. Kerajaan Kelantan mengumumkan bahawa beliau akan membuat dakwaan bahawa beliau 'tidak dapat' kepada Menteri Keliruan (MSM) Dato' Akhmal Ruzi dan penerbitan barisan pejabat pentadbiran pentadbiran di sini.

3. Kerajaan Kelantan mengumumkan bahawa beliau akan membuat dakwaan bahawa beliau 'tidak dapat' kepada Menteri Keliruan (MSM) Dato' Akhmal Ruzi dan penerbitan barisan pejabat pentadbiran pentadbiran di sini.

4. Kerajaan Kelantan mengumumkan bahawa beliau akan membuat dakwaan bahawa beliau 'tidak dapat' kepada Menteri Keliruan (MSM) Dato' Akhmal Ruzi dan penerbitan barisan pejabat pentadbiran pentadbiran di sini.

